

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.PB/10.12/04(20)

Tarikh: 3 November 2003

PEKELILING BENDAHARI BIL. 12/2003

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan /Puan,

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT MENGENAI TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN/TAMBANG GANTIAN DAN ELAUN-ELAUN LAIN BAGI PEGAWAI YANG MENGHADIRI KURSUS ATAU URUSAN RASMI DI LUAR PEJABAT DALAM NEGERI.

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan dan syarat-syarat tuntutan elaun perjalanan kenderaan/tambang gantian bagi pegawai yang menghadiri kursus ataupun menjalankan urusan rasmi di luar pejabat.

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Peraturan tuntutan elaun-elaun dalam perkhidmatan berdasarkan kepada Perintah Am Bab "B"
- 1.2 Kursus - bermaksud sebarang kursus atau bengkel yang berupa akademik atau praktik yang bercorak latihan, lawatan sambil belajar, persidangan, seminar, simposium anjuran pihak luar atau universiti.
- 1.3 Urusan Rasmi - bermaksud mesyuarat yang dianjurkan oleh universiti/Pusat Tanggungjawab atau pihak luar seperti agensi kerajaan dan lain-lain yang bertujuan untuk mencapai suatu keputusan atau menentukan pelan tindakan yang bukan bercorak latihan.
- 1.4 Peraturan tuntutan elaun-elaun perjalanan/tambang gantian ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 10/2003 bertarikh 10 Oktober 2003.

2.0 PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT

2.1 Tuntutan Tambang Gantian Menghadiri Kursus.

2.1.1 Latarbelakang

Kursus yang didefinisikan seperti di para 1.2 anjuran pihak luar atau universiti, amalan dalam pekeliling kerajaan bagi pegawai yang menghadiri kursus anjuran pihak luar atau universiti hanya layak menuntut tambang gantian teksi satu tempat duduk dan tidak layak menuntut elaun perbatuan.

2.1.2 Universiti mencadangkan pekeliling ini dipatuhi dengan tambahan kadar tambang gantian bagi staf yang memandu kenderaan sendiri dengan mengambil kira perbelanjaan tol dan petrol seperti di **Lampiran A**.

2.2 Tuntutan elaun-elaun lain bagi menghadiri kursus

Tuntutan elaun-elaun lain seperti elaun makan, elaun hotel/lojing dan lain-lain adalah tertakluk kepada *Pekeliling Perbendaharaan (Bil 2) Tahun 1992- Kadar Kursus (atau Pekeliling berkenaan yang terkini)*.

2.3 Tuntutan Elaun Perbatuan Urusan Rasmi (Para 1.3)

2.3.1 Jika kenderaan universiti tidak dapat disediakan staf perlu menyertakan surat permohonan menggunakan kenderaan universiti dan Pejabat Harta Bina mengesahkan kenderaan tidak dapat disediakan.

2.3.2 Keperluan yang mendesak yang mana surat arahan diterima lewat, dan terpaksa membawa kenderaan sendiri (perlu penjelasan secara terperinci semasa mengemukakan tuntutan dan disahkan oleh Pengurus Bahagian).

2.3.3 Mendapat pengesahan dan kelulusan Pengurus Bahagian bagi perjalanan tersebut.

Sekiranya ketiga-tiga syarat di atas tidak dipenuhi, pegawai hanya layak dibayar tambang gantian pada kadar seperti di Lampiran A.

3.4 Tuntutan elaun-elaun lain bagi urusan rasmi

Tuntutan elaun-elaun lain seperti elaun makan, elaun hotel, elaun loging adalah tertakluk kepada Pekeliling terkini.

3.5 Tuntutan Tambang Gantian Bagi Pegawai Yang Menghadiri Bengkel/Mesyuarat yang dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab/Universiti

3.5.1 Latarbelakang

Universiti secara umumnya membenarkan bengkel/mesyuarat dijalankan di luar universiti. Ianya melibatkan peruntukan yang tinggi untuk menampung kos penginapan, makanan dan perjalanan pegawai.

3.5.2 Perlaksanaan

Adalah ditetapkan agar pengendalian bengkel/mesyuarat di luar universiti dikawal dengan lebih ketat bagi memastikan peruntukan dapat dikurangkan dan beberapa peraturan perlu dipatuhi seperti berikut:-

- a. Urusetia hendaklah memastikan kenderaan universiti disediakan
- b. Semua kertaskerja hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari setelah diluluskan oleh Timbalan Rektor (HEP) atau Pengurus Bahagian mengikut had nilai kos yang telah ditetapkan.
- c. Pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri hendaklah berkongsi kenderaan dengan pegawai lain (sekurang-kurangnya 4 orang termasuk pemandu) untuk membolehkan pegawai layak menuntut elaun perbatuan.
- d. Sekiranya kenderaan universiti disediakan tetapi pegawai memilih untuk menggunakan kenderaan sendiri, pegawai hanya layak menuntut elaun tambang gantian pada kadar seperti Lampiran A.

3.6 Pengecualian Tambang Gantian

3.6.1 Pegawai Universiti yang disediakan kenderaan Universiti

Pegawai universiti yang disediakan kenderaan universiti di mana ia mempunyai kaedah pengiraan tuntuan perbatuan sendiri iaitu:

Jumlah Jarak Perjalanan x Harga Semasa Petrol Seliter

6

3.6.2 Individu luar yang dijemput oleh pihak universiti bagi melaksanakan sesuatu tugas.

Individu yang dijemput atau diarahkan ke suatu tempat lain di luar KUiTTHO atau ke KUiTTHO bagi menyampaikan ceramah/syarahan di dalam sesuatu kursus atau bengkel yang dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab untuk kepentingan universiti layak menuntut elaun perbatuan di samping perbelanjaan lain yang dilibatkan bagi tujuan perjalanan tersebut seperti tol dan parking.

3.6.3 Pensyarah Sambilan Luar

Individu luar yang dilantik sebagai pensyarah akademik sambilan di KUiTTHO bagi menyampaikan syaranan akademik kepada pelajar KUiTTHO layak menuntut elaun perbatuan dan tol.

4.0 LAIN-LAIN

4.1 Dengan penguatkuasaan cadangan garis panduan peraturan dan syarat-syarat tuntutan elaun perjalanan kenderaan/tambang gantian dan elaun-elaun lain bagi pegawai yang menghadiri kursus atau urusan rasmi di luar pejabat dalam negeri dapat menyeragamkan pembayaran elaun di samping dapat memastikan pengurusan kewangan universiti dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

- 4.2 Ia juga dapat mengawal perbelanjaan Universiti.

KUATKUASA PEKELILING

Pekeling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan .

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf dibahagian tuan.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

6007

- | | | |
|-----|---|--|
| s.k | - | Y. Bhg. Rektor |
| | - | Y. Bhg. Timbalan Rektor (HEP) |
| | - | Y. Bhg. Dato' Timbalan Rektor (Akademik) |
| | - | Pendaftar |
| | - | Ketua Unit Audit Dalam |

LAMPIRAN A
JADUAL TAMBANG GANTIAN PERGI DAN BALIK

Bil.	Tempat		RM
1	Melaka	Minyak + tol	70.00
2	Seremban	Minyak + tol	100.00
3	Port Dickson	Minyak + tol	120.00
4	Kuala Lumpur	Minyak + tol	150.00
5	Mersing	Minyak	90.00
6	Rompin	Minyak	110.00
7	Kota Tinggi	Minyak	70.00
8	Johor Bahru	Minyak + tol	50.00
9	Desaru dan sekitarnya	Minyak + tol	90.00
10	Tempat lain adalah berdasarkan kepada pertimbangan dan kelulusan Bendahari.	Minyak + tol	